

# My Digital Maker 2017 Bantu Bakat Muda Rangsang Inovasi Digital



**19 September 2017, Labuan** – Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta rakan industri dan akademik sedang rancak melaksanakan satu inisiatif nasional yang dinamakan mydigitalmaker yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 11 Ogos 2016 yang lalu.

Inisiatif #mydigitalmaker mendekatkan murid memahami bagaimana teknologi seperti pengkodan dan pembuatan 3D dapat memupuk minat serta kesedaran kepada mereka untuk meneroka, seterusnya merangsang idea baru dalam menghasilkan ciptaan inovasi digital.

Inisiatif ini juga diadakan untuk menyokong pelaksanaan kurikulum baru TMK KSSR dan KSSM yang bermula 2017 secara berfasa yang memberi penekanan kepada pemikiran

komputasional dan elemen sains komputer. Pelbagai program sedang dan akan dilaksanakan melalui inisiatif #mydigitalmaker yang antaranya adalah pelaksanaan Kelab-Kelab Pengerak Digital & Duta Pengerak Digital (kokurikulum).

Bagi menyemarakkan inisiatif ini, program LEVEL UP @SCHOOLS telah dilaksanakan di 70 sekolah menengah terpilih. Program perkongsian pintar antara Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan pihak industri yang menawarkan pembangunan aplikasi permainan video melalui pelbagai platform (cross-platform video game engine) ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi, inovasi digital dan kreativiti murid.

Program LEVEL UP @ SCHOOLS ini telah dijalankan bermula pada Februari sehingga Julai 2017 dan kemuncaknya Pameran #MyDigitalMaker berlangsung pada 16 hingga 17 September di Kuala Lumpur Convention Centre .

SMK Labuan telah memenangi Anugerah *The Best Project of #MyDigitalMaker Computer Club Award* ( Kelab Pengerak Digital Komputer ) bagi kategori sekolah menengah Pertandingan #MyDigitalMaker : LEVEL UP @ SCHOOLS Game Awards, selain memenangi Anugerah penyertaan tertinggi.



Barisan Pemenang SMK Labuan bersama Encik Ismail (tengah), Cikgu Siow (tiga kiri) dan Ketua Unit Kokurikulum JPWPL, Encik Subari (kanan)

Tidak ketinggalan, Sekolah Kluster Kecemerlangan SK St Anne juga telah memenangi Anugerah *The Best Project of #MyDigitalMaker Computer Club Award* bagi kategori sekolah rendah.

Majlis Penyampaian Hadiah disempurnakan oleh Tn Hj Zaidi bin Yazid, Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) Kementerian Pendidikan Malaysia.

Hadiah anugerah *The Best Project of #MyDigitalMaker Computer Club Award* berupa medal, tiket penerbangan dan penginapan menghadiri pameran #MyDigitalMaker. Manakala, trofi dan wang tunai RM2000 bagi Anugerah Penyertaan Tertinggi.



Guru Besar SKK St Anne, Puan Shim (tiga kiri) bersama Cikgu Latif (tiga kanan) dan Encik Subari (dua kanan)

Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah menzahirkan rasa kesyukuran atas kejayaan murid-murid SMK Labuan yang dapat bersaing dan mengatasi 70 buah sekolah yg lain. Terima kasih kepada Jabatan Pendidikan WP Labuan yang memberi ruang dan peluang kepada murid-murid menyertai program ini.

Pasukan SMK Labuan dibimbing oleh Guru Penyelaras Bestari, Cikgu Siow May Yun yang dianggotai oleh adik Howard Hii Dai Jie, Chan Zuan Qin dan Teo Chung Henn. Manakala Guru Pembimbing bagi SKK St Anne ialah Cikgu Abdul Latif Tokiran yang juga merupakan Guru Penyelaras Bestari sekolah.

Semoga program ini dapat merangsang bakat muda yang bukan sekadar sebagai pengguna tetapi pencipta kepada inovasi teknologi ICT. Syabas dan tahniah diucapkan.